



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 70
No. 32

6hb Ogos 2026

*TAMBAHAN No. 16
PERUNDANGAN*

Pg. P.U. 37.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL TEMPAT INAP PERSENDIRIAN
(PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PULAU PINANG) 2026

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-undang kecil

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN

3. Kehendak bagi lesen

Undang-undang kecil

4. Permohonan lesen
5. Pengeluaran lesen
6. Pematuhan syarat-syarat yang dikenakan ke atas lesen
7. Pembaharuan lesen
8. Perihal lesen
9. Mempamerkan lesen
10. Penggantungan atau pembatalan lesen

BAHAGIAN III

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN

11. Daftar penginap
12. Penyakit berjangkit hendaklah dilaporkan
13. Kawalan kebersihan dan struktur tempat inap persendirian
14. Bekalan air
15. Pencegahan kebakaran
16. Kemudahan peti pertolongan cemas
17. Aktiviti larangan dan kacau ganggu

BAHAGIAN IV

FI

18. Fi tempat inap persendirian
19. Kegagalan membayar fi tempat inap persendirian

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

20. Kuasa penyiasatan
21. Kuasa untuk memasuki premis

Undang-undang kecil

- 22. Kuasa untuk menutup premis
- 23. Tiada tanggungan ke atas kehilangan atau kerosakan

BAHAGIAN VI

AM

- 24. Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang
- 25. Kesalahan oleh penginap atau penduduk
- 26. Penalti am
- 27. Pendakwaan
- 28. Pengkompaunan kesalahan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL TEMPAT INAP PERSENDIRIAN
(PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PULAU PINANG) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pulau Pinang membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini hendaklah dinamakan **Undang-Undang Kecil Tempat Inap Persendirian (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pulau Pinang) 2026**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2026.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai bagi kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pulau Pinang.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti larangan” ertinya aktiviti yang menyalahi undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia;

“aktiviti tempat inap persendirian” ertinya suatu aktiviti yang dijalankan bagi tujuan menginap dengan apa-apa jenis bayaran;

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang bagi maksud Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya atau Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai bagi maksud Daerah Seberang Perai Utara, Daerah Seberang Perai Tengah dan Daerah Seberang Perai Selatan;

“inap persendirian” ertinya mana-mana premis yang—

- (a) dijadikan tempat penginapan dengan dikenakan apa-apa jenis bayaran;
- (b) mempunyai kurang daripada lima bilik;
- (c) diinap bagi tempoh tidak melebihi enam bulan berturut-turut tanpa wujud hubungan tenansi antara tuan tanah dan penyewa; dan
- (d) boleh ditempah secara dalam talian atau apa-apa medium lain yang ditetapkan oleh pemilik lesen.

“kacau ganggu” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*];

“kawasan kediaman” ertinya kawasan yang dibenarkan untuk aktiviti kediaman pelbagai jenis berdasarkan apa-apa Rancangan Pemajuan yang diterima pakai oleh Majlis;

“kawasan komersial” ertinya kawasan yang dibenarkan untuk aktiviti komersial dijalankan di bawah apa-apa Rancangan Pemajuan yang diterima pakai oleh Majlis;

“lesen” ertinya suatu lesen yang dikeluarkan oleh Majlis di bawah undang-undang kecil 5;

“Majlis” ertinya Majlis Bandaraya Pulau Pinang atau Majlis Bandaraya Seberang Perai;

“orang” ertinya seseorang individu, suatu pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia atau syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar;

“pegawai kesihatan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*];

“pegawai pelesen” ertinya Datuk Bandar atau mana-mana pegawai diberi kuasa;

“pemegang lesen” ertinya seseorang yang dikeluarkan lesen di bawah undang-undang kecil 5 sama ada individu tersebut merupakan pemilik atau penjaga;

“penduduk” ertinya orang yang menjaga tempat inap persendirian atau yang berkuasa mengurus atau mengawalinya sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen;

“penginap” ertinya orang yang menginap di dalam tempat inap persendirian untuk apa-apa jenis bayaran harian;

“penyakit berjangkit” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*];

“Pihak Berkuasa Tempatan” ertinya Majlis; dan

“rancangan pemajuan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*].

BAHAGIAN II

PELESENAN

Kehendak bagi lesen

3. (1) Tiada seorang pun boleh mengendalikan sesuatu aktiviti tempat inap persendirian melainkan—

- (a) dia memegang suatu lesen yang sah yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini; dan
- (b) inap persendirian di bawah kawasan pentadbiran Majlis yang hendak digunakan sebagai tempat inap persendirian hendaklah terletak dalam kawasan kediaman dan komersial dan dibenarkan beroperasi selama tiga ratus enam puluh lima hari setahun atau sepanjang tahun.

(2) Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini, tiada lesen boleh dikeluarkan—

- (a) bagi mana-mana premis yang aktivitinya disebut dalam perenggan (b), (c) dan (d) sedang dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana badan berkanun yang ditubuhkan oleh mana-mana undang-undang bertulis;
- (b) bagi mana-mana kemudahan pusat jagaan kesihatan persendirian, pusat jagaan kanak-kanak atau pusat jagaan yang penubuhan atau pengendaliannya dikawal atau dikawal selia di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (c) bagi mana-mana asrama pekerja dan mana-mana asrama yang ditubuhkan oleh atau bagi pihak mana-mana institusi pendidikan swasta atau institusi pendidikan tinggi swasta yang dikawal selia di bawah mana-mana undang-undang bertulis; dan
- (d) bagi mana-mana jenis kediaman seperti Rumah Kos Rendah, Rumah Kos Sederhana Rendah, Rumah Kawalan Harga dan Projek Perumahan Rakyat lain di bawah Kerajaan Persekutuan atau Negeri.

Permohonan lesen

4. (1) Mana-mana orang yang hendak mengendalikan aktiviti tempat inap persendirian hendaklah membuat permohonan kepada Majlis mengikut cara yang ditetapkan oleh Majlis berserta dengan fi pentadbiran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Majlis boleh, setelah menerima suatu permohonan di bawah perenggan (1), menghendaki pemohon untuk memberikan butiran maklumat atau dokumen lanjut bagi tujuan pemprosesan permohonan tersebut dalam satu tempoh masa yang ditetapkan oleh Majlis yang tidak kurang daripada enam puluh hari.

(3) Jika butiran maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah perenggan (2) tidak dikemukakan oleh pemohon dalam tempoh yang dinyatakan oleh Majlis, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjejaskan permohonan baharu yang dibuat oleh pemohon dan fi pentadbiran yang dibayar di bawah perenggan (1) tidak akan dikembalikan.

Pengeluaran lesen

5. (1) Selepas mempertimbangkan permohonan di bawah perenggan 4(1) dan butiran maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah perenggan 4(2), Majlis boleh mengeluarkan atau menolak untuk mengeluarkan lesen.

(2) Jika Majlis memutuskan untuk mengeluarkan lesen di bawah perenggan (1), pemohon itu hendaklah membayar fi lesen yang dinyatakan dalam Jadual Kedua secara tahunan.

(3) Majlis setelah berpuas hati pemohon telah mematuhi perenggan (2) hendaklah mendaftarkan butiran pengeluaran lesen di dalam Daftar Lesen.

(4) Jika Majlis menolak untuk mengeluarkan lesen di bawah perenggan (1), Majlis hendaklah memaklumkan keputusannya secara bertulis kepada pemohon itu dalam masa tujuh hari dari tarikh keputusan itu.

(5) Majlis boleh menolak untuk mengeluarkan lesen di bawah perenggan (1) kepada—

- (a) syarikat Malaysia bukan milikan warganegara Malaysia;
- (b) premis yang tidak sesuai untuk tujuan tempat inap persendirian;
- (c) mana-mana premis di bawah perenggan 3(2); atau
- (d) mana-mana binaan yang dibina tanpa kelulusan Majlis.

(6) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis.

Pematuhan syarat-syarat yang dikenakan ke atas lesen

6. (1) Majlis boleh mengenakan apa-apa syarat apabila mengeluarkan suatu lesen di bawah undang-undang kecil 5 dan 7 dan boleh, pada bila-bila masa, menambah, meminda atau membatalkan syarat yang dikenakan.

(2) Majlis hendaklah memaklumkan kepada pemegang lesen secara bertulis mengenai keputusan Majlis di bawah perenggan (1).

(3) Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat yang dikenakan ke atas suatu lesen.

(4) Pemegang lesen yang gagal mematuhi perenggan (3) adalah melakukan suatu kesalahan.

Pembaharuan lesen

7. (1) Seorang pemegang lesen boleh memohon untuk memperbaharui lesen dengan membuat permohonan kepada Majlis berserta dengan bayaran fi pentadbiran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Majlis setelah menerima suatu permohonan di bawah perenggan (1) boleh menghendaki pemohon untuk memberikan butiran maklumat atau dokumen lanjut bagi tujuan pemprosesan permohonan tersebut dalam tempoh tidak kurang daripada enam puluh hari.

(3) Majlis boleh, apabila menerima suatu permohonan bagi pembaharuan lesen di bawah perenggan (1), memperbaharui lesen atau menolak untuk memperbaharui lesen itu, di mana fi pentadbiran yang dibayar di bawah perenggan (1) tidak akan dikembalikan.

Perihal lesen

8. (1) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah sah bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dari tarikh pengeluaran atau pembaharuannya, melainkan jika lesen itu digantung atau dibatalkan.

(2) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dipindahkan atau diserahkan kepada mana-mana orang lain.

(3) Suatu lesen, jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu, hendaklah terus berkuat kuasa dari tarikh pembayaran fi lesen sehingga tarikh akhir lesen yang ditetapkan oleh Majlis.

Mempamerkan lesen

9. (1) Seorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada sepanjang masa di tempat yang mudah dilihat di dalam premisnya dan hendaklah mengemukakannya jika dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai diberi kuasa.

(2) Seorang pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Penggantungan atau pembatalan lesen

10. (1) Majlis boleh, dengan memberikan suatu notis secara bertulis kepada pemegang lesen, menggantung lesen itu selama tempoh tidak melebihi sembilan puluh hari di bawah mana-mana keadaan yang berikut:

- (a) pemegang lesen itu telah gagal mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini; atau
- (b) pemegang lesen itu telah gagal mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan dalam lesen itu.

(2) Majlis boleh, dengan memberikan suatu notis secara bertulis kepada pemegang lesen, membatalkan suatu lesen di bawah mana-mana keadaan yang berikut:

- (a) lesen telah diperoleh secara fraud atau salah nyata;
- (b) telah disabitkan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau
- (c) pemegang lesen gagal untuk meremedi kesalahan bagi penggantungan dan gagal mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan kesalahan itu tidak akan berulang.

(3) Majlis hendaklah mengeluarkan suatu surat tunjuk sebab secara bertulis kepada pemegang lesen sebelum Majlis membuat suatu keputusan di bawah perenggan (1) atau (2).

(4) Mana-mana pemegang lesen selepas dibatalkan atau digantung lesennya dan masih menggunakan lesennya sebagai suatu dokumen yang sah, untuk apa-apa tujuan, adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN III

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN

Daftar penginap

11. (1) Pemegang lesen hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar penginap seperti yang diarahkan oleh pegawai pelesen dari semasa ke semasa.

(2) Daftar penginap tersebut hendaklah mengandungi butiran penginap seperti yang berikut:

- (a) nama, kewarganegaraan dan alamat;
- (b) nombor telefon;
- (c) tarikh daftar masuk dan tarikh daftar keluar;
- (d) salinan pasport atau kad pengenalan diri; dan
- (e) butiran lain yang dikehendaki oleh pegawai pelesen.

Penyakit berjangkit hendaklah dilaporkan

12. (1) Penginap hendaklah melaporkan mengenai apa-apa penyakit berjangkit yang dihidapi olehnya atau mana-mana orang yang menginap bersamanya dengan seberapa segera kepada pemegang lesen.

(2) Pemegang lesen setelah dimaklumkan oleh penginap berkenaan apa-apa penyakit berjangkit tersebut hendaklah dengan seberapa segera melaporkannya kepada pegawai pelesen dan pegawai kesihatan.

(3) Pemegang lesen dan penginap hendaklah patuh kepada arahan pegawai pelesen dan pegawai kesihatan termasuklah arahan untuk kuarantin atau pengosongan tempat inap persendirian itu serta-merta.

(4) Pemegang lesen hendaklah memastikan tempat inap persendiriannya dibasmi kuman jika terdapat penginap yang dijangkiti penyakit berjangkit.

(5) Mana-mana orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

Kawalan kebersihan dan struktur tempat inap persendirian

13. (1) Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa memastikan tempat inap persendiriannya —

- (a) dalam keadaan bersih;
- (b) mempunyai pencahayaan dan pengudaraan yang cukup; dan
- (c) tiada pindaan atau tambahan struktur tanpa kebenaran Majlis.

(2) Pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan pemegang lesen untuk menutup tempat inap persendiriannya atau sebahagian daripada tempat inap persendiriannya bagi tujuan melakukan apa-apa kerja pembersihan, mengecat atau apa-apa pengubahsuaian struktur lain.

Bekalan air

14. Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa menyediakan dan memastikan bekalan air yang mencukupi di tempat inap persendiriannya.

Pencegahan kebakaran

15. Pemegang lesen hendaklah menyediakan dan memastikan —

- (a) kelengkapan memadam kebakaran di tempat inap persendiriannya sentiasa berada dalam keadaan baik, sah tarikh luput, mencukupi dan berfungsi dengan baik; dan
- (b) tangga, laluan pelantar dan jalan keluar bebas daripada sebarang halangan serta pintu di dalamnya dibina dan dipasang dengan cara yang senang dibuka.

Kemudahan peti pertolongan cemas

16. Pemegang lesen hendaklah menyediakan dan memastikan—

- (a) satu peti pertolongan cemas yang mengandungi ubat-ubatan dan peralatan yang sempurna, mencukupi serta sah tarikh luput; dan
- (b) peti pertolongan cemas diletakkan di tempat yang sesuai dan mudah dicapai.

Aktiviti larangan dan kacau ganggu

17. (1) Tiada seorang pun boleh melakukan, menganjurkan, mengusahakan atau selainnya terlibat dalam mana-mana aktiviti larangan dan kacau ganggu di tempat inap persendirian.

(2) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan suatu notis yang menerangkan maksud sebagaimana di bawah perenggan (1), dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris, di suatu tempat yang mudah dilihat di tempat inap persendiriannya.

(3) Perkataan dalam bahasa kebangsaan yang digunakan dalam notis tersebut hendaklah berukuran lebih besar dan ditunjukkan dengan lebih jelas daripada segi keutamaan dan kedudukan penglihatan.

BAHAGIAN IV**FI****Fi tempat inap persendirian**

18. (1) Fi tempat inap persendirian hendaklah dibayar oleh pemegang lesen pada setiap tahun kepada Majlis sebelum sepuluh hari bulan pada bulan Disember sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Jika lesen dikeluarkan untuk tempoh kurang daripada satu tahun, fi yang kena dibayar untuk lesen tersebut hendaklah sebagaimana ketetapan oleh Majlis.

Kegagalan membayar fi tempat inap persendirian

19. (1) Majlis hendaklah mengeluarkan suatu notis bayaran balik tunggakan kepada pemegang lesen yang gagal membayar fi tempat inap persendirian sebagaimana yang dinyatakan di bawah undang-undang kecil 18.

(2) Mana-mana pemegang lesen hendaklah membayar fi tempat inap persendirian berserta tunggakan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan notis tersebut.

(3) Pemegang lesen hendaklah dikenakan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi setiap notis yang dikeluarkan oleh Majlis di bawah Undang-Undang Kecil ini.

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

Kuasa penyasatan

20. (1) Pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa untuk menjalankan pemeriksaan atau penyasatan terhadap pelakuan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] hendaklah terpakai dan pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini untuk menjalankan penyasatan.

Kuasa untuk memasuki premis

21. Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh memasuki mana-mana tempat inap persendirian bagi maksud menjalankan apa-apa pemeriksaan atau penyasatan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Kuasa untuk menutup premis

22. Pegawai pelesen boleh mengambil langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup mana-mana premis jika dia berpuas hati bahawa telah berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Tiada tanggungan ke atas kehilangan atau kerosakan

23. Majlis atau mana-mana pegawai diberi kuasa hendaklah tidak bertanggung terhadap apa-apa kerosakan atau kehilangan yang berlaku akibat daripada tindakan penguatkuasaan tersebut.

BAHAGIAN VI

AM

Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang

24. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap mana-mana anggota Majlis, pegawai pelesen atau pegawai diberi kuasa bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang diperintahkan atau dilakukan bagi maksud melaksanakan Undang-Undang Kecil ini.

Kesalahan oleh penginap atau penduduk

25. Jika sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah dilakukan oleh mana-mana penginap atau penduduk, penginap atau penduduk itu hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu, melainkan setelah mengambil kira segala hal keadaan, pemegang lesen berupaya untuk membuktikan—

- (a) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, keizinan atau ketinggalannya; dan
- (b) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan menjalankan usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

Penalti am

26. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan

27. Tiada pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh dimulakan tanpa keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

28. Datuk Bandar setelah mendapat izin bertulis daripada Pendakwa Raya boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Undang-Undang Kecil ini.

JADUAL PERTAMA

[Perenggan 4(1), 7(1) dan 19(3)]

FI

Fi pentadbiran	RM50.00 setiap permohonan lesen
Fi notis	RM5.00 bagi setiap notis

JADUAL KEDUA

[Perenggan 5(2)]

FI LESEN

Jumlah bilik	Fi
3 bilik ke bawah	RM1,000.00 setahun
Setiap bilik tambahan (sehingga 2 bilik)	RM200.00 setahun

JADUAL KETIGA

[Perenggan 18(1)]

FI TEMPAT INAP PERSENDIRIAN

RM1,800.00 bagi setiap tahun untuk setiap unit inap persendirian

Dibuat pada 21 Julai 2026 dan 22 Julai 2026

[MBPP.PU.100-1/5/12; MBSP/99/1-4/88; PUNPP 352/100/1/2/SUB/102]

DATO' IR RAJENDRAN A/L P. ANTHONY
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Pulau Pinang

DATO' HAJI BADERUL AMIN
BIN ABDUL HAMID
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Disahkan pada 24 Julai 2026

[PSUKPP.BKT.700-19/4/15; PUNPP 352/100/1/2/SUB/102]

MOHD BALKISH BIN OTHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Pulau Pinang

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

PRIVATE ACCOMMODATION (PENANG STATE LOCAL AUTHORITY) BY-LAWS 2026

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

PART I

PRELIMINARY

By-law

1. Citation, commencement and application
2. Interpretation

PART II

LICENSING

3. Requirement for licence
4. Application for licence
5. Issuance of licence
6. Compliance with conditions imposed on licence
7. Renewal of licence
8. Particulars of licence
9. Display of licence
10. Suspension or revocation of licence

PART III

OBLIGATIONS OF LICENSEE

11. Register of guests
12. Infectious disease shall be reported

By-law

13. Regulation of hygiene and structure of private accommodation
14. Water supply
15. Fire prevention
16. First aid kit provision
17. Prohibited activities and nuisance

PART IV

FEES

18. Private accommodation fee
19. Failure to pay private accommodation fee

PART V

ENFORCEMENT

20. Power of investigation
21. Power to enter premises
22. Power to close premises
23. No liability for loss or damage

PART VI

GENERAL

24. Protection against suit and legal proceedings
25. Offence by guest or occupant
26. General penalty
27. Prosecution
28. Compounding of offences

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

PRIVATE ACCOMMODATION
(PENANG STATE LOCAL AUTHORITY) BY-LAWS 2026

IN exercise of the powers conferred by sections 102 and 102A of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Penang State Local Authority makes, and according to section 103 of the Act, the State Authority confirms the following by-laws:

PART I

PRELIMINARY

Citation, commencement and application

1. (1) These by-laws may be cited as the **Private Accommodation (Penang State Local Authority) By-Laws 2026**.

(2) These By-Laws come into operation on 1 August 2026.

(3) These By-Laws shall be applicable to the area of administration of the Penang State Local Authority.

Interpretation

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“prohibited activity” means an activity that contravenes the laws in force in Malaysia;

“private accommodation activity” means an activity that is carried out for the purpose of accommodation in exchange for any form of payment;

“Mayor” means the Mayor of the City Council of Penang Island for the purposes of the North-East District and the South-West District or the Mayor of the Seberang Perai City Council for the purposes of the North Seberang Perai District, the Central Seberang Perai District and the South Seberang Perai District;

“private accommodation” means any premises that—

- (a) are made into accommodation with the charge of any form of payment;
- (b) have fewer than five rooms;
- (c) are lodged for a period not exceeding six consecutive months without the existence of a tenancy relationship between a landlord and a tenant; and
- (d) may be booked online or by any other medium prescribed by the licence holder.

“nuisance” has the same meaning assigned to it under the Local Government Act 1976 [*Act 171*];

“residential area” means an area where various types of residential activity are permitted based on any Development Plan accepted by the Council;

“commercial area” means an area where commercial activity is permitted to be carried out under any Development Plan accepted by the Council;

“licence” means a licence issued by the Council under by-law 5;

“Council” means the City Council of Penang Island or the Seberang Perai City Council;

“person” means an individual, a society registered with the Malaysian Registrar of Societies or a company registered with the Companies Commission of Malaysia;

“authorized officer” means any Council officer that is authorized in writing by the Mayor;

“health officer” has the same meaning assigned to it under the Local Government Act 1976 [*Act 171*];

“licensing officer” means the Mayor or any authorized officer;

“licensee” means a person to whom a licence is issued under by-law 5, whether the individual is a proprietor or a caretaker;

“occupant” means a person who cares for private accommodation or who has power to manage or control it whether for his own benefit or as an agent;

“guest” means a person who stays at private accommodation in exchange for any form of daily payment;

“infectious disease” has the same meaning assigned to it under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [*Act 342*];

“Local Authority” means the Council; and

“development plan” has the same meaning assigned to it under the Town and Country Planning Act 1976 [*Act 172*].

PART II

LICENSING

Requirement for licence

3. (1) No person may conduct a private accommodation activity unless—

(a) he holds a valid licence issued under these By-Laws; and

- (b) the private accommodation within the area of administration of the Council to be used as private accommodation shall be located in a residential and commercial area and is permitted to operate for three hundred and sixty-five days a year or throughout the year.

(2) For the purposes of these By-Laws, no licence may be issued—

- (a) in respect of any premises where the activities stated in paragraphs (b), (c) and (d) are being carried out by or on behalf of the Federal Government, the State Government or any statutory body established under any written law;
- (b) in respect of any private healthcare centre, childcare centre or care centre where its establishment or operation is governed or regulated under any written law;
- (c) in respect of any employee hostel and any hostel established by or on behalf of any private educational institution or private higher educational institution regulated under any written law; and
- (d) in respect of any type of residence such as Low Cost Homes, Medium-Low Cost Homes, Price-Controlled Homes and other People's Housing Projects under the Federal or State Government.

Application for licence

4. (1) Any person intending to carry out private accommodation activities shall make an application to the Council according to the manner prescribed by the Council accompanied with the administrative fee as specified in the First Schedule.

(2) The Council may, upon receiving an application under paragraph (1), require the applicant to furnish further particulars or documents for the purpose of the processing of the application in a time period prescribed by the Council that is not less than sixty days.

(3) If the particulars or documents required under paragraph (2) is not submitted by the applicant within the period stipulated by the Council, the application shall be deemed withdrawn without prejudice to new applications made by the applicant, and the administrative fee paid under paragraph (1) shall not be refunded.

Issuance of licence

5. (1) After considering an application under paragraph 4(1) and the particulars or the documents required under paragraph 4(2), the Council may issue or refuse to issue a licence.

(2) Should the Council decide to issue a licence under paragraph (1), the applicant shall pay the licence fee specified in the Second Schedule annually.

(3) The Council upon being satisfied that the applicant has complied with paragraph (2) shall register the particulars of the issuance of licence in the Licence Register.

(4) If the Council refuse to issue a licence under paragraph (1), the Council shall inform the applicant of its decision in writing within seven days of the date of the decision.

(5) The Council may refuse to issue a licence under paragraph (1) to—

- (a) a Malaysian company that is not owned by a Malaysian citizen;
- (b) premises that are not suitable for the purpose of private accommodation;
- (c) any premises under paragraph 3(2); or
- (d) any construction constructed without approval from the Council.

(6) A licence issued under these By-Laws shall be in the form prescribed by the Council.

Compliance with conditions imposed on licence

6. (1) The Council may impose any condition when issuing a licence under by-laws 5 and 7 and may, at any time, add, amend or revoke any condition imposed.

(2) The Council shall inform the licensee in writing of the Council's decision under paragraph (1).

(3) The licensee shall comply with the conditions imposed on a licence.

(4) A licensee who fails to comply with paragraph (3) commits an offence.

Renewal of licence

7. (1) A licensee may apply to renew the licence by making an application to the Council accompanied with the payment of the administrative fee as specified in the First Schedule.

(2) The Council upon receiving an application under paragraph (1) may require the applicant to furnish further particulars or documents for the purpose of processing the application within a period that is not less than sixty days.

(3) The Council may, upon receiving an application for licence renewal under paragraph (1), renew the licence or refuse to renew the licence, whereby the administrative fee paid under paragraph (1) shall not be refunded.

Particulars of licence

8. (1) Every licence issued under these By-Laws shall be valid for a term not exceeding three years from the date of its issuance or renewal, unless the licence is suspended or revoked.

(2) A licence issued under these By-Laws may not be transferred or assigned to any other person.

(3) A licence, unless prior suspended or revoked, shall remain in force from the date of payment of the licence fee until the expiry date of the licence as determined by the Council.

Display of licence

9. (1) A licensee shall display his licence at all times at an easily visible location in his premises and shall furnish it if so required by an authorized officer.

(2) A licensee who contravenes paragraph (1) commits an offence.

Suspension or revocation of licence

10. (1) The Council may, by giving a notice in writing to the licensee, suspend the licence for a period not exceeding ninety days under any of the following circumstances:

- (a) the licensee fails to comply with any provision of these By-Laws; or
- (b) the licensee fails to comply with any condition stipulated in the licence.

(2) The Council may, by giving a notice in writing to the licensee, revoke a licence under any of the following circumstances:

- (a) the licence was obtained by fraud or misrepresentation;
- (b) has been convicted of an offence under these By-Laws; or
- (c) the licensee fails to remedy the offence causing the suspension and fails to take reasonable steps to ensure such offence will not recur.

(3) The Council shall issue a show cause letter in writing to the licensee prior to the Council making a decision under paragraph (1) or (2).

(4) Any licensee whose licence has been revoked or suspended and still uses his licence as a valid document, for any purpose, commits an offence.

PART III

OBLIGATIONS OF LICENSEE

Register of guests

11. (1) A licensee shall keep and maintain a guest register as instructed by the licensing officer from time to time.

(2) The guest register shall contain guest particulars as follows:

- (a) name, nationality and address;
- (b) telephone number;
- (c) date of check-in and date of check-out;
- (d) copy of passport or identification card; and
- (e) other particulars so required by the licensing officer.

Infectious disease shall be reported

12. (1) A guest shall report any infectious diseases suffered by him, or any person staying with him, as soon as possible to the licensee.

(2) The licensee upon being informed by the guest of any said infectious disease shall as soon as possible report it to the licensing officer and the health officer.

(3) The licensee and guest shall comply with the instruction of the licensing officer and the health officer, including instructions to quarantine or vacate the private accommodation immediately.

(4) The licensee shall ensure his private accommodation is sanitised if there is a guest infected by an infectious disease.

(5) Any person in contravention of this by-laws commits an offence.

Regulation of hygiene and structure of private accommodation

13. (1) The licensee shall at all times ensure his private accommodation—

- (a) is in a hygienic state;
- (b) has sufficient lighting and ventilation; and
- (c) there are no modifications or structural additions without the approval of the Council.

(2) An authorized officer may instruct the licensee to close his private accommodation or part of his private accommodation for the purposes of conducting any cleaning, painting or structural renovation work.

Water supply

14. The licensee shall at all times prepare and ensure a sufficient water supply at his private accommodation.

Fire prevention

15. The licensee shall prepare and ensure—

- (a) fire-fighting equipment at his private accommodation is always in good condition, not expired, sufficient and working well; and
- (b) stairs, paths and exits are free from any obstruction and that the interior doors are built and installed in an easily opened manner.

First aid kit provision

16. The licensee shall prepare and ensure—

- (a) a first aid kit containing medication and equipment that are complete, sufficient and not expired; and
- (b) the first aid kit is placed in an appropriate and easily accessed location.

Prohibited activities and nuisance

17. (1) No person may commit, organise, operate or otherwise engage in any prohibited activity and nuisance in a private accommodation.

(2) The licensee shall display a notice explaining the meaning as under paragraph (1) in the national language and the English language, in an easily viewed location in his private accommodation.

(3) The text in the national language used in such notice shall be bigger in size and displayed more prominently from the aspects of priority and viewing position.

PART IV**FEES****Private accommodation fee**

18. (1) The private accommodation fee shall be paid by the licensee every year to the Council prior to the tenth day of December as specified in the Third Schedule.

(2) If the licence be issued for a period less than one year, the payable fee for such licence shall be as stipulated by the Council.

Failure to pay private accommodation fee

19. (1) The Council shall issue a notice of arrears of payment to a licensee who fails to pay the private accommodation fee as prescribed under by-law 18.

(2) Any licensee shall pay the private accommodation fee accompanied with arrears within a period of fourteen days from the date of receipt of such notice.

(3) The licensee shall be imposed a fee as specified in the First Schedule for every notice issued by the Council under these By-Laws.

PART V

ENFORCEMENT

Power of investigation

20. (1) An authorized officer shall have all powers to carry out an inspection or investigation on the commission of an offence under these By-Laws.

(2) The Criminal Procedure Code [Act 593] shall be applicable and the authorized officer shall have all powers provided under this Act to carry out investigation.

Power to enter premises

21. Any authorized officer may enter any private accommodation for the purpose of carrying out any inspection or investigation under these By-Laws.

Power to close premises

22. The licensing officer may take steps as he thinks necessary to close any premises if he is satisfied that there has been a contravention of any provision under these By-Laws.

No liability for loss or damage

23. The Council or any authorized officer shall not be liable for any loss or damage that occurs due to such enforcement action.

PART VI

GENERAL

Protection against suit and legal proceedings

24. No action, suit, prosecution or other such proceeding may be taken, initiated or made in any court against any member of the Council, licensing officer or authorized officer for or on the grounds of or in relation to any act ordered or conducted for the purpose of carrying out these By-Laws.

Offence by guest or occupant

25. If an offence under these By-Laws is made by any guest or occupant, the guest or occupant shall be deemed to have committed such offence, unless after consideration of all circumstances, the licensee is able to prove—

- (a) that the offence was made without his knowledge, consent or omission; and
- (b) that he has taken all reasonable cautious steps and carried out reasonable effort to prevent the commission of the offence.

General penalty

26. Any person who contravenes any provision of these By-Laws commits an offence and shall, upon conviction, be fined not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or both.

Prosecution

27. No prosecution for an offence under these By-Laws may be initiated without the written consent of the Public Prosecutor.

Compounding of offences

28. The Mayor upon obtaining the written consent of the Public Prosecutor may compound any of the offences committed by any person under these By-Laws.

FIRST SCHEDULE

[Paragraph 4(1), 7(1) and 19(3)]

FEE

Administrative fee	RM50.00 for each licence application
--------------------	--------------------------------------

Notice fee	RM5.00 for each notice
------------	------------------------

SECOND SCHEDULE

[Paragraph 5(2)]

LICENCE FEE

Number of rooms	Fee
-----------------	-----

Below 3 rooms	RM1,000.00 annually
---------------	---------------------

Each additional room (up to 2 rooms)	RM200.00 annually
---	-------------------

THIRD SCHEDULE

[Paragraph 18(1)]

PRIVATE ACCOMMODATION FEE

RM1,800.00 annually for each private accommodation unit

Made on 21 July 2026 and 22 July 2026

[MBPP.PU.100-1/5/12; MBSP/99/1-4/88; PUNPP 352/100/1/2/SUB/102]

DATO' IR RAJENDRAN S/O P. ANTHONY

*Mayor**City Council of Penang Island*

DATO' HAJI BADERUL AMIN

BIN ABDUL HAMID

*Mayor**Seberang Perai City Council*

Confirmed on 24 July 2026

[PSUKPP.BKT.700-19/4/15; PUNPP 352/100/1/2/SUB/102]

MOHD BALKISH BIN OTHMAN

*Clerk**State Executive Council**Penang*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA